

07 NOV 1998

BSKL-MINGGUAN/I

BSKL DIJANGKA BERGERAK TINGGI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang ditutup dengan catatan meningkat selepas melepasi tahap ketahanan 450, di jangka bergerak tinggi berikutan sokongan petunjuk positif.

Peniaga-peniaga berkata sentimen pasaran yang dibantu oleh kekukuhan bursa serantau dan Wall Street, meningkat dengan tinggi untuk mengehendkan penurunan ketara.

Pada urusan niaga akhir minggu lalu, Indeks Komposit meningkat 47.96 mata kepada 453.29, Indeks Emas menambah 13.68 mata kepada 119.80, Indeks Papan Kedua naik 17.41 mata kepada 116.07 manakala Indeks Perusahaan 78.37 mata lebih tinggi pada 868.16.

Minggu lalu menyaksikan pelabur-pelabur mengumpulkan saham menjelang kegiatan belian disengajakan pada akhir tahun dan minat kebanyakannya dalam saham mewah, saham kedua, kewangan, perladangan dan saham hartanah.

Selain daripada petunjuk tempatan yang positif, pasaran juga memperolehi dorongan daripada prestasi lebih baik di Wall Street dan prestasi bursa serantau.

Dagangan berjalan lancar minggu ini tanpa sebarang insiden tidak selesa sepanjang perbicaraan bekas timbalan Perdana Menteri.

Pasaran dibuka pada Isnin dengan waran menguasai dagangan selepas laporan bahawa tempoh dagangannya dilanjutkan hingga ke tempoh maksimum 10 tahun. Perlanjutan tempoh itu dianggap sebagai menguntungkan apabila pemegang waran cenderung untuk meraih keuntungan dalam tempoh jangka panjang apabila syarikat-syarikat mempamerkan prestasi lebih baik.

Saham kewangan, perbankan dan saham berkaitan meningkat pada Selasa berikutan berita bahawa Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) akan mengambil pinjaman tidak berbayar (NPL) syarikat-syarikat broker saham yang bermasalah.

Selain daripada menghapuskan ketidaktentuan terutama daripada syarikat broker saham yang berada di bawah sekatan dagangan, pemilikan NPL juga akan membantu memulihkan pendedahan pinjaman sektor perbankan.

Pasaran kemudiannya terus meningkat sejajar dengan gelombang peningkatan di Singapura dan bursa serantau lain berikutan kepulangan dana asing, manakala perladangan, yang dianggap sebagai saham bertahan, memperolehi minat berikutan jangkaan kenaikan harga minyak sawit.

Pada masa yang sama, peniaga-peniaga berkata, "kelonggaran cukai pada 1999 seperti yang diumumkan dalam belanjawan baru-baru ini telah mengatasi levi keuntungan yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat berasaskan minyak sawit".

Sentimen terus meningkat pada Khamis berikutan hasil menggalakkan daripada mesyuarat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Selain daripada berusaha untuk memperbaiki hubungan yang tegang sejak beberapa bulan lalu, Singapura bersetuju membantu Malaysia mengatasi masalah kewangannya dan membantu negara mengumpulkan dana di republik itu.

Pasaran kemudiannya mengeneipkan pengambilan untung pada Jumaat untuk diniagakan tinggi. Antara berita-berita yang tersebar dalam pasaran pada dagangan terakhir minggu ini adalah bank-bank diminta untuk memberi pinjaman manakala sebuah dana terkemuka tempatan dikatakan membeli saham dengan aktif untuk membayar dividen.

Jumlah dagangan Papan Utama meningkat kepada 1.116 bilion saham bernilai RM1.420 bilion daripada 558.578 juta saham bernilai RM999.013 juta

minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan Kedua naik kepada 173.282 juta saham bernilai RM285.011 juta berbanding 41.314 juta saham bernilai 63.207 juta.

Urusniaga langsung menurun kepada 21.207 juta saham bernilai RM31.204 juta berbanding dengan 75.331 juta saham bernilai RM148.293 juta.

Minggu ini menyaksikan tiada terbitan baru disenaraikan tetapi lima kaunter memohon penggantungan saham mereka iaitu Intria, U-Wood, Far East Holdings, Public Finance dan Khong Guan.

TA-W adalah kaunter paling aktif pada 20 sen, naik enam sen, diikuti oleh MBf Holding yang menambah tiga sen kepada 36 sen, Ekran naik 10 sen kepada RM1.15, Magnum meningkat 22 sen kepada RM1.29, MBf Capital menambah 13 sen kepada 86 sen, United Engineers naik 25 sen kepada RM2.44, Time Engineering meningkat lapan sen kepada 95 sen, IGB-T naik sembilan sen kepada 14 sen, MPH-B-W menambah 17 sen kepada 10 sen manakala Berjaya meningkat lapan sen kepada 63 sen.

Daripada segi jumlah dagangan, TA-W menyumbang bagi 60.990 juta saham yang diniagakan, MBf Holding 30.527 juta, Ekran 30.423 juta, Magnum 18.814 juta, MBf Capital 18.498 juta, United Engineers 16.582 juta, Time Engineering 16.014 juta, IGB-T 15.549 juta, MPH-B-W 14.493 juta dan Berjaya 13.838 juta.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang bagi 51.183 juta saham dinigakan, barangan perusahaan 100.808 juta, pembinaan 74.771 juta, perdagangan/perkhidmatan 228.238 juta, prasarana 3.254 juta, kewangan 186.697 juta, hotel 4.720 juta, harta 154.366 juta, perladangan 54.205 juta, perlombongan 5.822 juta, amanah 647,010, dana tertutup 672,000, pinjaman 21.067 juta dan tsr/waran 228.525 juta.

-- BERNAMA

SHO ZK